



SIARAN MEDIA

TEMAN 1AZAM DAMPINGI RAKYAT

RAUB, 10 OGOS 2010 – YB Senator Dato' Sri Shahrizat Abdul Jalil, Menteri Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat hari ini telah melancarkan **Program Teman 1AZAM (Akhiri Zaman Miskin)** yang akan dijalankan di kesemua kawasan Parlimen dan Dewan Undangan Negeri seluruh negara.

Program Teman 1AZAM merupakan inisiatif Bidang Keberhasilan Utama Negara bagi meningkatkan taraf hidup isi rumah berpendapatan rendah (NKRA LIH) yang berteraskan konsep *social enterprise (keusahawanan sosial)* dan pendekatan kebajikan produktif (*productive welfare*). *Social enterprise* merupakan satu pendekatan yang mengoptimumkan potensi individu berdasarkan bidang kemahiran mereka agar tidak terus bergantung kepada bantuan Kerajaan. Antaranya ialah pemberian geran berbentuk modal perniagaan bagi membolehkan kumpulan sasaran yang terdiri daripada golongan miskin dan miskin tegar yang berdaftar di dalam sistem eKasih serta golongan berpendapatan rendah menceburi *social enterprise* dalam usaha memperbaiki taraf kehidupan mereka.

Teman 1AZAM merupakan peserta-peserta yang mengambil bahagian dalam Program 1AZAM. Program 1AZAM merangkumi projek AZAM Tani, AZAM Niaga, AZAM Kerja dan AZAM Khidmat yang juga merupakan inisiatif di bawah NKRA LIH yang diterajui oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM).

Sehubungan itu, **Program Teman 1AZAM berkonsepkan program kemasyarakatan diadakan bagi mendampingi golongan ini di peringkat akar umbi melalui aktiviti penyampaian bantuan NKRA seperti bantuan kewangan, bakul nutrisi makanan, beg, pakaian seragam dan kasut sekolah, aktiviti keagamaan, bengkel motivasi dan perubahan minda, pemeriksaan kesihatan keluarga dan bengkel kesukarelaan Jiwa Malaysia untuk pelajar universiti.** Program ini dijayakan oleh KPWKM, Jabatan dan agensi di bawahnya dengan kerjasama Pengerusi MPWK (Majlis Pembangunan Wanita dan Keluarga), Pengerusi MAYANG (Majlis Kebajikan dan Pembangunan Masyarakat) serta Pengerusi NADI (Jentera Dasar Sosial Negara di Peringkat Akar Umbi).

Sempena pelancaran Program Teman 1AZAM yang dihadiri oleh kira-kira 500 orang penduduk setempat dan pemimpin tempatan hari ini, bantuan NKRA berbentuk kewangan dan bakul nutrisi makanan diberikan kepada seramai 137 ketua isi rumah (KIR) miskin dan miskin tegar sekitar daerah Raub yang berdaftar di dalam sistem eKasih dan 100 pelajar sekolah daripada tujuh (7) buah sekolah di sekitar Raub diberi bantuan beg, pakaian seragam dan kasut sekolah. Hadir sama ialah YB. Dato' Abd. Aziz Hj. Mat Kiram, ADUN Batu Talam.

Program Teman 1AZAM ini diharap akan membantu meringankan beban golongan miskin tegar dan miskin serta berkongsi keberkatan bulan Ramadhan dan sambutan Hari Raya Aidilfitri yang bakal menjelang. KPWKM yakin sasaran untuk membasmi kemiskinan tegar menjelang akhir Disember 2010 mampu dicapai selaras dengan matlamat NKRA LIH iaitu tiada rakyat Malaysia yang ketinggalan dalam program pembangunan sosial negara.

###

Disediakan oleh : Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat
Aras 1-6, Blok E, Kompleks Pejabat Kerajaan Bukit Perdana,
Jalan Dato' Onn, 50515 Kuala Lumpur.

Telefon : 03 - 2693 0095

Tarikh : 10 Ogos 2010